

RUJ. KAMI (OUR REF.) : UMP.02.01/10.12/2/1/1(02)
RUJ. TUAN (YOUR REF.) :

24 September 2013

Semua Dekan / Pengarah / Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang

Y.H. Dato' / Y. Bhg. Datin / Tuan / Puan,

**PERMOHONAN CUTI PERISTIWA PADA 14 OKTOBER 2013 (ISNIN) SEMPENA HARI
RAYA HAJI (1434 HIJRAH)**

Dengan hormatnya saya di arah menarik perhatian berhubung perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Pihak Pengurusan Universiti Malaysia Pahang melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Kali Ke-71 Bil. 12/2012 pada 12 Disember 2012 telah bersetuju melaksanakan cuti rehat wajib (peristiwa) pada 14 Oktober 2013 (Isnin) iaitu sehari sebelum cuti umum Hari Raya Haji (1434 Hijrah) yang dijangka sambutan pada 15 Oktober 2013 (Selasa). Pemakluman berhubung Dasar Cuti Peristiwa Hubung-kaitan Cuti Umum Tahun 2013 telah diedarkan dalam Surat Pekeliling Pentadbiran UMP Bil. 1 Tahun 2013 bertarikh 2 Januari 2013.

3. Sehubungan dengan itu, semua Ketua Jabatan adalah dikehendaki memastikan staf membuat permohonan cuti rehat bagi tarikh **14 Oktober 2013 (Isnin)** melalui e-Community>staff management>personal>leave. Cuti tersebut akan diambil kira daripada kelayakan cuti rehat tahunan staf. Walau bagaimana pun, staf yang menjalankan tugas-tugas berkaitan keselamatan ataupun diarahkan bertugas pada hari berkenaan atas faktor kepentingan perkhidmatan universiti adalah diberi pengecualian.

4. Staf yang tidak mempunyai baki cuti rehat sehingga 31 Disember 2013 disebabkan kegagalan diri sendiri mematuhi Surat Pekeliling Pentadbiran UMP Bil. 1 Tahun 2013 adalah dikehendaki mengemukakan permohonan **Cuti Tanpa Gaji** kepada Unit Perkhidmatan & Saraan, Jabatan Pendaftar berdasarkan Perintah Am 14 Bab C dengan disokong oleh Ketua Jabatan masing-masing.

5. Memandangkan pada 14 Oktober 2013 (Isnin) telah diberitahu melalui Surat Pekeliling Pentadbiran UMP Bil. 1 Tahun 2013 bahawa hari cuti rehat wajib (peristiwa), maka mana-mana staf **kecuali staf yang diarah bertugas pada hari berkenaan atas faktor kepentingan perkhidmatan** yang tidak memohon cuti rehat atau cuti tanpa gaji boleh diambil tindakan tatatertib selaras dengan Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605).

6. Kerjasama daripada semua pihak sangat dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan tugas,


(HAJI MUSTAFA BIN IBRAHIM)

Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang

s.k.:

Naib Canselor

Timbalan-Timbalan Naib Canseior

MIM/SBI/M
D.Pekeliling/SuratPekeliling/SuratEdaran2/2013